



# Manual Pemantauan **PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)** NEGERI PULAU PINANG



Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang  
(PLAN Malaysia Pulau Pinang)

## Pemberitahuan

Manual Pemantauan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Pulau Pinang ini telah dibentangkan di dalam :

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri Bil 4/2024
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 5/2024

Manual ini disediakan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], melalui pindaan pada tahun 2017 iaitu Akta A1522.

Manual ini hendaklah dibaca bersama dengan Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial Bagi Projek Pembangunan (PPSIA) dan Manual SIA Bagi Projek Pembangunan Edisi Ke-2.

Rujukan juga dibuat ke atas garis panduan perancangan lain yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang dan diterima pakai diperingkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pelaksanaan Manual Pemantauan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Pulau Pinang ini berkuatkuasa pada **01 Jun 2024**

<b>1.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
<b>2.1</b>	<b>PROSES PEMANTAUAN SIMP</b>	<b>1</b>
2.1.1	Teknik Pemantauan	2
2.1.2	Pengurusan Impak Tidak Terjangka	3
<b>3.1</b>	<b>RANGKA KERJA PEMANTAUAN SIMP</b>	<b>3</b>
3.1.1	Sistem Pengurusan Rungutan	3
3.1.2	Pelan Tindakan Kecemasan	4
3.1.3	Rangka Kerja Pelaporan dan Audit	5
<b>4.1</b>	<b>KEPERLUAN LAPORAN PEMANTAUAN SIMP</b>	<b>7</b>
<b>5.1</b>	<b>KANDUNGAN LAPORAN PEMANTAUAN SIMP</b>	<b>7</b>
<b>6.1</b>	<b>PROSES PENGUATKUASAAN PEMANTAUAN SIMP</b>	<b>8</b>
6.1.1	Proses Pemantauan di Peringkat Pengoperasian Mengikut Kategori Pembangunan	11
6.1.2	Pemantauan Peringkat Perancangan	14
6.1.3	Pemantauan Peringkat Pembinaan	14
6.1.4	Pemantauan Peringkat Pengoperasian	15
<b>7.1</b>	<b>SEMAKAN STATUS PELAKSANAAN SIMP</b>	<b>19</b>

Jadual 1	Peringkat Pelaksanaan Proses Pemantauan	9
Jadual 2	Jadual Matriks Pemantauan	10
Rajah 1	Elemen Penting Rangka Kerja Pemantauan oleh Pengerak Projek	6
Rajah 2	Struktur Proses Pemantauan SIMP	13
Rajah 3	Carta Alir Proses Pemantauan SIMP - Peringkat Perancangan	16
Rajah 4	Carta Alir Proses Pemantauan SIMP - Peringkat Pembinaan	17
Rajah 5	Carta Alir Proses Pemantauan SIMP - Peringkat Pengoperasian	18

## 1.1 PENGENALAN

Pelan Pengurusan Impak Sosial (Social Impact Management Plan - SIMP) adalah prosedur penting di dalam Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA). SIMP ialah sistem pengurusan yang menggariskan strategi yang perlu diambil sepanjang tempoh pembangunan projek bagi memantau, melapor, menilai, menyemak dan bertindak balas secara proaktif terhadap impak sosial yang disebabkan oleh cadangan pembangunan. SIMP dirangka dengan menyatakan tanggungjawab penggerak projek dan peranan agensi teknikal berkaitan, serta komuniti di sepanjang tempoh pelaksanaan projek dan penting untuk dipantau dan diuruskan dengan baik. Oleh itu, Manual Pemantauan Penilaian Impak Sosial (SIA) Negeri Pulau Pinang penting sebagai mekanisma memantau pelaksanaan SIMP bagi setiap laporan SIA yang telah mendapat kelulusan oleh PLAN Malaysia Pulau Pinang.

## 2.1 PROSES PEMANTAUAN SIMP

Langkah	Aktiviti	Isu
Langkah 1	Penilaian kesan	Penilaian kesan termasuk: <ul style="list-style-type: none"><li>• Alam Sekitar</li><li>• Ekonomi</li><li>• Fizikal</li><li>• Sosial</li></ul>
Langkah 2	Langkah-langkah mitigasi	Langkah-langkah mitigasi termasuk: <ul style="list-style-type: none"><li>• Menjalankan rundingan dengan komuniti yang terjejas</li><li>• Memastikan langkah mitigasi dilaksanakan dengan berkesan.</li><li>• Penggerak projek bekerjasama dengan agensi berkaitan dan kumpulan berkepentingan dalam memenuhi tuntutan komuniti.</li></ul>
Langkah 3	Pemantauan	Pemantauan sosial: <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemantauan pematuhan</li><li>• Pemantauan kesan</li></ul>

Terdapat dua proses pemantauan SIMP yang perlu dilihat iaitu:

1. **Pemantauan Pematuhan** : Pemantauan untuk memastikan pematuhan terhadap langkah-langkah mitigasi yang disyorkan di dalam SIMP dipatuhi oleh penggerak projek.
2. **Pemantauan Kesan** : Susulan kepada langkah-langkah mitigasi yang diambil oleh penggerak projek, impak kepada masyarakat perlu dipantau untuk mengukur keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan di dalam SIMP.

#### 2.1.1 Teknik Pemantauan

Terdapat empat kaedah yang boleh digunakan untuk melakukan proses pemantauan iaitu;

1. **Gambar** - Gambar boleh digunakan sebagai bukti pelaksanaan langkah-langkah mitigasi yang disyorkan. Untuk gambar yang diserahkan sebagai bukti untuk pematuhan dan pemantauan impak, tarikh dan masa gambar diambil perlulah direkodkan.
2. **Pemeriksaan lapangan** - Pemeriksaan lapangan melalui lawatan tapak selepas pembangunan dilaksanakan untuk memastikan pematuhan terhadap langkah-langkah mitigasi yang disyorkan.
3. **Aduan daripada komuniti tempatan** - Aduan bertulis dengan bukti yang kukuh daripada komuniti tempatan boleh membantu dalam menyemak pematuhan terhadap langkah-langkah mitigasi yang disyorkan.

4. **Kelulusan daripada agensi kerajaan** - Setiap proses pembangunan yang mendapat kelulusan daripada agensi kerajaan boleh menjadi sebahagian daripada prosedur pemantauan yang dilaksanakan. Contohnya kelulusan terhadap kaedah pemantauan yang dijalankan oleh lain-lain kajian penilaian impak seperti EIA, HIA, dan TIA.

### **2.1.2 Pengurusan Impak Tidak Terjangka**

Pemantauan meliputi impak yang tidak dijangka, iaitu impak yang tidak dikenal pasti semasa kajian SIA dijalankan, yang mungkin berlaku semasa proses pembinaan dan selepas siap dan beroperasi. Sekiranya dikenalpasti, langkah-langkah mitigasi tambahan hendaklah dibangunkan, dilaksanakan dan dilakukan pemantauan.

## **3.1 RANGKA KERJA PEMANTAUAN SIMP**

SIMP merupakan pelan pengurusan yang perlu dipantau secara berterusan dan sebarang kegagalan untuk mencapai KPI yang ditetapkan perlu diteliti dan puncanya dikenal pasti. Jika terdapat sebarang isu baharu yang timbul dan tidak dinyatakan di dalam SIMP, langkah-langkah mitigasi perlu dibentuk untuk meminimumkan implikasi daripada isu tersebut (**Rajah 1**).

### **3.1.1 Sistem Pengurusan Rungutan**

Sistem pengurusan rungutan bertujuan untuk membolehkan penggerak projek merekodkan setiap masalah, aduan serta cadangan daripada kumpulan berkepentingan sebelum, semasa dan selepas fasa pembinaan. Ini dapat dilaksanakan melalui pengiklanan saluran

telefon, e-mel, laman web dan media sosial serta pengiklanan di papan kenyataan dan edaran risalah ke rumah atau kedai. Penggerak projek boleh menubuhkan kumpulan kerja bersama wakil penduduk setempat sebagai saluran rundingan dalam mengatasi sesuatu masalah. Sistem pengurusan rungutan merupakan sebuah proses menerima, menyiasat, memberi maklum balas dan menyelesaikan aduan atau rungutan daripada komuniti yang terkesan akibat pembangunan secara adil dan bersistematik. Pelbagai saluran disediakan untuk pihak berkepentingan menyuarakan rungutan mereka secara rasmi, ianya termasuklah:

1. Bersemuka (Pihak berkepentingan boleh menyuarakan rungutan mereka kepada kakitangan kontraktor yang ditugaskan di pejabat tapak)
2. Borang daftar aduan (Pihak berkepentingan boleh mengisi borang yang akan diedarkan kepada mereka lebih awal untuk menyuarakan rungutan mereka)
3. Telefon
4. E-mel
5. Permohonan dalam talian (Pihak berkepentingan boleh mengisi borang dalam talian).

### **3.1.2 Pelan Tindakan Kecemasan**

Pelan tindakan kecemasan perlu disediakan oleh penggerak projek sebagai persediaan sekiranya berlaku situasi kecemasan sosial seperti protes bantahan projek oleh komuniti setempat atau menerima mesej ugutan berbaur ancaman keselamatan.

### **3.1.3 Rangka Kerja Pelaporan Dan Audit**

Pelaporan terhadap pemantauan SIMP perlu dibuat oleh penggerak projek dengan disertakan maklumat pemantauan yang telah dijalankan kepada agensi kerajaan yang berkenaan. Laporan Pemantauan akan diserahkan kepada urus setia SIA, PBT dan agensi terlibat setiap enam bulan sekali setelah Laporan SIA diluluskan, atau pada suatu jangka masa yang dipersetujui berdasarkan cadangan SIMP. Penggerak Projek perlu melatih individu atau melantik perunding yang berkelayakan untuk bertanggungjawab dalam menyedia laporan pemantauan pelaksanaan SIMP.



**Rajah 1: Elemen Penting Rangka Kerja Pemantauan oleh Pengerak Projek**

*\* Nota: Kaedah Pemantauan adalah dalam bentuk jadual dengan memperincikan setiap elemen penting seperti di rajah atas dan dengan menggunakan jadual di **Template 2**.*

#### **4.1 KEPERLUAN LAPORAN PEMANTAUAN SIMP**

Pemantauan terhadap SIMP perlu dijalankan oleh Penggerak Projek selepas Laporan SIA diluluskan. Laporan Pemantauan perlu disediakan secara berkala (enam bulan sekali) oleh Penggerak Projek dan diserahkan kepada Urus setia SIA, PBT dan agensi terlibat untuk rujukan bagi tujuan verifikasi dan penguatkuasaan. PLAN Malaysia Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi yang berkenaan boleh memanggil penggerak projek untuk membentangkan hasil pemantauan sekiranya perlu.

#### **5.1 KANDUNGAN LAPORAN PEMANTAUAN SIMP**

Perkara yang diliputi dalam skop laporan pemantauan dicadangkan seperti berikut:

1. **Pengenalan:** Definisi proses yang menjadi asas kepada penyediaan laporan, tujuan, skop dan objektif.
2. **Kemajuan Projek:** Menerangkan tentang kemajuan semasa projek pembangunan setakat Laporan Pemantauan ini disediakan sama ada di dalam fasa perancangan, pembinaan, atau pengoperasian.
3. **Pematuhan SIMP:** Memperincikan tentang pelaksanaan dan pematuhan langkah mitigasi yang dinyatakan di dalam Laporan SIA. Penilaian tahap keberkesanan langkah-langkah mitigasi yang telah dilaksanakan seperti yang disyorkan oleh SIMP perlu dikemukakan.
4. **Isu-Isu Berbangkit:** Menerangkan tentang isu sosial atau rungutan yang berbangkit dan langkah penyelesaian kepada perkara tersebut. Sekiranya terdapat isu sosial yang tidak dikenal pasti di dalam Laporan SIA, perkara ini perlu dilaporkan di dalam Laporan Pemantauan dan disertakan dengan cadangan serta tindakan yang sewajarnya.

5. **Pelan Pemantauan SIMP:** Pelan Pemantauan SIMP penting untuk memastikan kelancaran pelaksanaan cadangan-cadangan yang disyorkan oleh SIMP untuk fasa yang seterusnya.
6. **Rumusan:** Merumuskan pencapaian yang diperolehi daripada Pelan Pemantauan SIMP yang telah dilaksanakan.

### **6.1 PROSES PENGUATKUASAAN PEMANTAUAN SIMP**

Agensi penguatkuasaan akan menerima laporan pemantauan berkala yang dikemukakan oleh Penggerak Projek melihat sejauh mana cadangan dalam SIMP dilaksanakan. Penggerak Projek perlu memberikan penjelasan jika perlu kepada siasatan susulan dan sekiranya terdapat kegagalan pematuhan kepada langkah-langkah mitigasi yang disyorkan di dalam SIMP. Penguatkuasaan boleh dikenakan bagi memastikan Penggerak Projek memberi komitmen untuk melaksanakan langkah-langkah mitigasi yang digariskan di dalam SIMP. Berikut merupakan kaedah Laporan Pemantauan dipantau oleh Penggerak Projek bersama-sama dengan agensi yang terlibat (Jadual 1).

**Jadual 1: Peringkat Pelaksanaan Proses Pemantauan**

Peringkat	Tanggungjawab	Tindakan
Selepas Laporan SIA diluluskan	PLANMalaysia	Kelulusan Laporan SIA
	OSC	Meluluskan Permohonan Kebenaran Merancang
Peringkat Perancangan	Penggerak Projek	1. Pemantauan Peringkat Perancangan bermula selepas Kelulusan Kebenaran Merancang (Borang C1) diperolehi
	Agensi Terlibat	2. Borang pemantauan dihantar ke agensi yang terlibat selepas mendapat kelulusan Kebenaran Merancang
	Penggerak Projek	3. Menerima dan merekod ulasan, impak dan tindakan yang diberikan oleh agensi yang terlibat.
	PLANMalaysia	Menyemak Laporan Pemantauan yang dibentangkan oleh Penggerak Projek setiap 6 bulan selama pembangunan dalam tempoh perancangan. Mesyuarat Pemantauan boleh diadakan mengikut keperluan.
Peringkat Pembinaan	Penggerak Projek	1. Pemantauan Peringkat Pembinaan bermula selepas Borang B dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
	Kontraktor/Pemaju/ Agensi Terlibat	2. Borang pemantauan dihantar oleh kontraktor/pemaju kepada agensi terlibat bagi memantau keadaan di tapak semasa pembinaan.
	Penggerak Projek	3. Memantau aduan orang awam melalui mekanisme aduan sepanjang pembinaan dijalankan. Lawatan tapak akan diadakan jika perlu.
	Penggerak Projek	4. Menerima dan merekod ulasan, impak, dan tindakan yang diberikan oleh agensi terlibat semasa pembinaan.
	PLANMalaysia	Menyemak Laporan Pemantauan yang dibentangkan oleh Penggerak Projek setiap 6 bulan selama pembangunan dalam tempoh pembinaan. Mesyuarat Pemantauan boleh diadakan mengikut keperluan.
Peringkat Operasi	Penggerak Projek	1. Pemantauan peringkat pengoperasian selepas pembangunan siap dibina dan sijil menduduki CCC diperolehi.
	Pemaju/Agensi Terlibat	2. Borang pemantauan dihantar oleh pemaju kepada agensi terlibat bagi memantau keadaan di tapak selepas beroperasi.

	Penggerak Projek	3. Memantau aduan orang awam melalui mekanisma aduan selama 6 bulan pengoperasian.
	Penggerak Projek	4. Menerima dan merekod ulasan, impak, dan tindakan yang diberikan oleh kontraktor/pemaju/agensi terlibat selepas pengoperasian.
	PLANMalaysia	Menyemak Laporan Pemantauan yang dibentangkan oleh Penggerak Projek setiap 6 bulan selama 1 atau 2 tahun (Mengikut Saranan SIMP). Mesyuarat Pemantauan boleh diadakan mengikut keperluan.

Berikut adalah merupakan jadual matriks bagi proses pemantauan SIMP (Jadual 2 dan Rajah 2).

**Jadual 2: Jadual Matriks Pemantauan**

Bil.	Jenis Projek SIA	Fasa		
		Perancangan	Pembinaan	Pengoperasian
1	Perindustrian	X	X	X <sup>1</sup>
2	Tapak Pelupusan Sisa Pepejal & Incinerator	X	X	X <sup>2</sup>
3	Tenaga & Utiliti	X	X	X <sup>3</sup>
4	Jalan Raya/Laluan & Stesen LRT	X	X	X <sup>4</sup>
5	Perumahan & Rumah Mampu Milik	X	X	X <sup>5</sup>
6	Komersial	X	X	X <sup>6</sup>
7	Tapak Perkuburan, Krematorium & Kolumbarium	X	X	X <sup>7</sup>
8	Penebusgunaan Pinggir Laut	X	X	X <sup>8</sup>
9	Asrama Pekerja	X	X	X <sup>9</sup>
10	Ladang Solar	X	X	X <sup>10</sup>
11	Perlombongan	X	X	X <sup>11</sup>
12	Penternakan & Akuakultur	X	X	X <sup>12</sup>
13	Pembangunan di Lereng Bukit	X	X	X <sup>13</sup>
14	Lain-lain Projek Pembangunan Yang Ditentukan oleh PLAN Malaysia Negeri/ PBT	X	X	X <sup>14</sup>

### 6.1.1 Proses Pemantauan di Peringkat Pengoperasian Mengikut Kategori Pembangunan

<sup>1</sup> Pemantauan untuk **perindustrian** terbahagi kepada 2 kategori:

1. Perindustrian sesebuah melibatkan pemantauan berterusan selama dua (2) tahun.
2. Lot-lot perindustrian hanya perlu dijalankan sekali sahaja dalam tempoh enam (6) bulan selepas projek siap dan beroperasi.

<sup>2 & 3</sup> Pemantauan untuk **pengurusan sisa & incinerator** dan **tenaga & utiliti** perlu dijalankan secara berterusan selama dua (2) tahun selepas projek siap dan beroperasi.


<sup>4,5,6 & 7</sup> Pemantauan untuk **jalan raya, laluan & stesen LRT, komersil, perumahan dan rumah mampu milik** serta **tapak perkuburan, krematorium dan kolumbarium** hanya perlu dijalankan sekali sahaja dalam tempoh enam (6) bulan selepas projek siap dan beroperasi.

<sup>8,9,10,11 & 12</sup> Pemantauan untuk **penebusgunaan pinggir laut, asrama pekerja, ladang solar, perlombongan** serta **penternakan dan akuakultur** perlu dijalankan secara berterusan sehingga dua (2) tahun selepas projek siap dan beroperasi. Untuk projek ladang solar, Penggerak Projek perlu menyediakan laporan penuh pelupusan panel solar selepas panel tersebut dilupuskan.

<sup>13</sup> Pemantauan **pembangunan dilereng bukit** perlu dijalankan berterusan selama dua (2) tahun (*tertakluk kepada pembangunan di aras kontor 76 meter ke atas dan kecerunan 250 ke atas*).

<sup>14</sup> Pemantauan untuk **lain-lain jenis projek pembangunan** yang ditentukan oleh PlanMalaysia@Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**Rajah 2: Struktur Proses Pemantauan SIMP**



### **6.1.2 Pemantauan Peringkat Perancangan (Rajah 3)**

Untuk semua kategori projek, pemantauan di Peringkat Perancangan akan bermula sebaik sahaja:

- Kelulusan Laporan SIA diperolehi daripada PLAN Malaysia Pulau Pinang;
- Kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang diperolehi daripada OSC melalui Borang C1;
- Laporan pemantauan diserahkan kepada PLAN Malaysia Pulau Pinang oleh Penggerak Projek setiap enam bulan;
- Pemantauan di Peringkat Perancangan hanya dihentikan selepas Borang B dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

### **6.1.3 Pemantauan Peringkat Pembinaan (Rajah 4)**

Untuk semua kategori projek, pemantauan di Peringkat Pembinaan akan bermula sebaik sahaja:


- Selepas Borang B dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- Laporan pemantauan diserahkan kepada PlanMalaysian Pulau Pinang oleh Penggerak Projek setiap enam bulan;
- Penggerak Projek perlu memantau aduan orang awam melalui mekanisma aduan setiap 6 bulan selepas bermula pembinaan.
- Pemantauan di Peringkat Pembinaan hanya dihentikan selepas pembangunan siap dibina dan sijil menduduki CCC dikeluarkan.

#### **6.1.4 Pemantauan Peringkat Pengoperasian (Rajah 5)**

Untuk semua kategori projek, pemantauan di Peringkat Pengoperasian akan bermula sebaik sahaja:

- Pembangunan siap dibina dan setelah sijil menduduki CCC diperolehi melalui Borang G.
- Laporan pemantauan diserahkan kepada PLAN Malaysia Negeri oleh Penggerak Projek setiap enam bulan.
- Penggerak Projek akan menerima dan merekod ulasan, impak, dan tindakan yang dilakukan untuk menangani setiap aduan yang diterima selepas bermula operasi.
- Pemantauan di Peringkat Pengoperasian akan berjalan setiap 6 bulan selama 1 atau 2 tahun (bergantung kepada cadangan tempoh pemantauan di dalam SIMP).


**Rajah 3: Carta Alir Proses Pemantauan SIMP – Peringkat Perancangan**




Perakuan pematuhan proses pemantauan SIA dikeluarkan\*†\*\*

\*Kelulusan Pemantauan Peringkat Perancangan menjadi syarat untuk kemukakan permohonan Pelan Bangunan kepada OSC.  
 \*\*Untuk kes-kes permohonan kelulusan secara SERENTAK, proses pemantauan boleh diteruskan secara langsung ke peringkat pembinaan.

**Rajah 4: Carta Alir Proses Pemantauan SIMP – Peringkat Pembinaan**



**Rajah 5: Carta Alir Proses Pemantauan SIMP – Peringkat Pengoperasian**



## 7.1 SEMAKAN STATUS PELAKSANAAN SIMP

Proses pemantauan bermula dengan senarai isu dalam pemantauan SIMP yang akan diisi oleh Penggerak Projek. Penggerak Projek akan menyenaraikan semua isu-isu yang terdapat di dalam SIMP untuk dilihat status pelaksanaan pemantauan. Isu-isu dalam pemantauan ditunjukkan seperti di dalam **Template 1**. Seterusnya, SIMP perlu dipantau untuk mengesan kemajuan pelaksanaan langkah-langkah mitigasi yang telah dipersetujui. Ini perlu dilakukan setiap enam bulan (berdasarkan saranan SIMP) mengikut langkah-langkah yang ditetapkan di dalam **Template 2**.

Untuk setiap ukuran kemajuan, ia harus diberi isyarat sama ada pelaksanaan mengikut jadual, tertunda atau gagal dilaksanakan. Untuk kes tertunda atau gagal dilaksanakan, Penggerak Projek perlu menyediakan laporan bagi menyatakan sebab-sebab berlakunya kegagalan tersebut dan justifikasi perlu diberikan. Penilaian di dalam **Template 2** perlu diisi oleh Penggerak Projek dan disertakan dengan bahan bukti untuk mengesahkan hasil pemantauan yang dikemukakan. Seterusnya, pihak agensi pemantau yang berkenaan akan menilai dan mengesahkan semua data-data pemantauan yang dikemukakan dengan merujuk kepada bahan bukti yang dikemukakan.

**TEMPLATE 1: SENARAI ISU DALAM PEMANTAUAN SIMP  
(UNTUK DIISI OLEH PENGGERAK PROJEK)**

<b>FASA PERANCANGAN</b>						
<b>KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL</b>						
<b>Jenis Impak</b>	<b>Tahap Keketaraan Impak</b>	<b>Langkah-Langkah Mitigasi</b>	<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>Mekanisme Pemantauan</b>	<b>Kekerapan Pemantauan</b>	<b>Semakan Pemantauan</b>
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						
<b>KUALITI PERSEKITARAN HIDUP</b>						
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						

*\*Nota: Proses pemantauan perlu merujuk kepada Pelan SIMP dalam Laporan SIA yang telah diluluskan.*

**TEMPLATE 1: SENARAI ISU DALAM PEMANTAUAN SIMP  
(UNTUK DIISI OLEH PENGGERAK PROJEK)**

<b>FASA PEMBINAAN</b>						
<b>KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL</b>						
<b>Jenis Impak</b>	<b>Tahap Keketaraan Impak</b>	<b>Langkah-Langkah Mitigasi</b>	<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>Mekanisme Pemantauan</b>	<b>Kekerapan Pemantauan</b>	<b>Semakan Pemantauan</b>
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						
<b>KUALITI PERSEKITARAN HIDUP</b>						
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						

*\*Nota: Proses pemantauan perlu merujuk kepada Pelan SIMP dalam Laporan SIA yang telah diluluskan.*

**TEMPLATE 1: SENARAI ISU DALAM PEMANTAUAN SIMP  
(UNTUK DIISI OLEH PENGGERAK PROJEK)**

<b>FASA PENGOPERASIAN</b>						
<b>KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL</b>						
<b>Jenis Impak</b>	<b>Tahap Keketaraan Impak</b>	<b>Langkah-Langkah Mitigasi</b>	<b>Petunjuk Prestasi Utama</b>	<b>Mekanisme Pemantauan</b>	<b>Kekerapan Pemantauan</b>	<b>Semakan Pemantauan</b>
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						
<b>KUALITI PERSEKITARAN HIDUP</b>						
a)						
b)						
c)						
d)						
e)						

*\*Nota: Proses pemantauan perlu merujuk kepada Pelan SIMP dalam Laporan SIA yang telah diluluskan.*

## Template 2: PEMANTAUAN SIMP DI PERINGKAT PERANCANGAN

Nama Projek : .....

Penggerak Projek : .....

Tarikh Pemantauan : .....

IMPAK SEDIA ADA SEPERTI DI DALAM SIMP				
Jenis Impak (Rujuk SIMP)	Langkah-Langkah Mitigasi (Rujuk SIMP)	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
RISIKO ATAU IMPAK BAHARU YANG DIKENALPASTI				
Jenis Impak	Langkah-Langkah Mitigasi	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
Aduan Yang Diterima	Penerangan Mengenai Aduan	Status	Tindakan Yang Diambil	
Mekanisma Aduan: (SMS, Email atau Telefon)				
Pihak Pengadu: (Orang Awam, NGO, Persatuan Penduduk)				
ULASAN PENGGERAK PROJEK		PENGESAHAN & TANDA TANGAN		TARIKH/NAMA/JAWATAN & NO. TELEFON
ULASAN AGENSI PEMANTAU		PERAKUAN JABATAN		TARIKH/NAMA PENYEMAK/JAWATAN

\*Status: 1: Belum Diambil Tindakan; 2: Dalam Tindakan; 3: Selesai Tindakan

## Template 2: PEMANTAUAN SIMP DI PERINGKAT PEMBINAAN

Nama Projek : .....

Penggerak Projek : .....

Tarikh Pemantauan : .....

IMPAK SEDIA ADA SEPERTI DI DALAM SIMP				
Jenis Impak (Rujuk SIMP)	Langkah-Langkah Mitigasi (Rujuk SIMP)	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
RISIKO ATAU IMPAK BAHARU YANG DIKENALPASTI				
Jenis Impak	Langkah-Langkah Mitigasi	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
Aduan Yang Diterima	Penerangan Mengenai Aduan	Status	Tindakan Yang Diambil	
Mekanisma Aduan: (SMS, Email atau Telefon)				
Pihak Pengadu: (Orang Awam, NGO, Persatuan Penduduk)				
ULASAN PENGGERAK PROJEK			PENGESAHAN & TANDA TANGAN	TARIKH/NAMA/JAWATAN & NO. TELEFON
ULASAN AGENSI PEMANTAU			PERAKUAN JABATAN	TARIKH/NAMA PENYEMAK/JAWATAN

\*Status: 1: Belum Diambil Tindakan; 2: Dalam Tindakan; 3: Selesai Tindakan

## Template 2: PEMANTAUAN SIMP DI PERINGKAT PENGOPERASIAN

Nama Projek : .....

Penggerak Projek : .....

Tarikh Pemantauan : .....

IMPAK SEDIA ADA SEPERTI DI DALAM SIMP				
Jenis Impak (Rujuk SIMP)	Langkah-Langkah Mitigasi (Rujuk SIMP)	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
RISIKO ATAU IMPAK BAHARU YANG DIKENALPASTI				
Jenis Impak	Langkah-Langkah Mitigasi	Status	Penyelesaian bagi isu yang dihadapi	Bukti Pelaksanaan
Aduan Yang Diterima	Penerangan Mengenai Aduan	Status	Tindakan Yang Diambil	
Mekanisma Aduan: (SMS, Email atau Telefon)				
Pihak Pengadu: (Orang Awam, NGO, Persatuan Penduduk)				
ULASAN PENGGERAK PROJEK			PENGESAHAN & TANDA TANGAN	TARIKH/NAMA/JAWATAN & NO. TELEFON
ULASAN AGENSI PEMANTAU			PERAKUAN JABATAN	TARIKH/NAMA PENYEMAK/JAWATAN

\*Status: 1: Belum Diambil Tindakan; 2: Dalam Tindakan; 3: Selesai Tindakan



**Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang**  
**(PLAN Malaysia Pulau Pinang)**